



13 Oktober 2022  
13 October 2022  
P.U. (A) 333

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA BERTINGKAT  
SUNGAI BESI-ULU KELANG) 2022

*FEDERAL ROADS  
(PRIVATE MANAGEMENT)(COLLECTION OF TOLLS)  
(SUNGAI BESI-ULU KELANG ELEVATED EXPRESSWAY)  
ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA BERTINGKAT SUNGAI BESI-ULU KELANG) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2022.

**Pemberikuasaan untuk memungut tol**

2. (1) Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Bhd. diberi kuasa bagi tempoh dari 15 Oktober 2022 hingga 25 Disember 2069 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah, oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang yang bermula dari kilometer 7.128 Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang di koordinat U -66766.516, T 26937.495, Geosentrik Datum Malaysia (GDM2000) dan berakhir di kilometer 22.984 di koordinat U -54575.082, T 28287.27, GDM2000 termasuklah Persimpangan Bertingkat Cheras-Kajang, Persimpangan Bertingkat Cheras Hartamas, Plaza Tol Bukit Teratai, Persimpangan Bertingkat Bukit Teratai, Persimpangan Bertingkat Tasik Tambahan, Persimpangan Bertingkat Permai, Persimpangan Bertingkat Kosas, Plaza Tol Ampang, Persimpangan Bertingkat Pekan Ampang, Persimpangan Bertingkat Ampang Point, Persimpangan Bertingkat Ulu Kelang, Persimpangan Bertingkat Hill View, Persimpangan Bertingkat Bukit Antarabangsa dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 15.856 kilometer.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

### **Pembayaran tol**

3. (1) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan—

- (a) kad prabayar yang sah;
- (b) peranti elektronik berserta kad prabayar yang sah; atau
- (c) pelekat elektronik yang sah yang telah dipasang di cermin hadapan, lampu hadapan kenderaan atau di mana-mana bahagian lain kenderaan yang telah ditentukan bagi pemasangannya,

hendaklah membayar tol yang kena dibayar di bawah subperenggan 2(1) apabila melalui lorong tol yang dikhaskan di plaza tol yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

(2) Bagi maksud pembayaran tol di bawah subperenggan (1), seseorang pemandu kenderaan hendaklah—

- (a) menyentuh kad prabayar yang sah pada mesin pembaca elektronik;
- (b) mempamerkan peranti elektronik berserta kad prabayar yang sah; atau
- (c) mempamerkan pelekat elektronik yang sah yang telah dipasang di cermin hadapan, lampu hadapan kenderaan atau di mana-mana bahagian lain kenderaan yang telah ditentukan bagi pemasangannya.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan kad prabayar, peranti elektronik berserta kad prabayar atau pelekat elektronik hendaklah memastikan wang

dalam kad prabayar, peranti elektronik berserta kad prabayar atau pelekat elektronik itu mencukupi bagi maksud pembayaran tol.

(4) Pelekat elektronik yang telah dipasang bagi maksud subperenggan (1) tidak boleh dipindahkan atau dialihkan ke kenderaan yang lain dengan apa-apa cara sekalipun.

(5) Seseorang pemandu kenderaan yang telah memasang pelekat elektronik yang sah tidak boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa ubahsuaian pada pelekat elektronik itu atau apa-apa perbuatan yang boleh mengganggu fungsi pelekat elektronik itu.

(6) “Kad prabayar”, “peranti elektronik berserta kad prabayar” atau “pelekat elektronik” yang disebut dalam perenggan ini ertinya suatu kad prabayar, peranti elektronik berserta kad prabayar atau pelekat elektronik yang dibenarkan oleh Menteri dan dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol.

#### **Pengecualian daripada pembayaran tol**

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol.

## JADUAL PERTAMA


[subperenggan 2(1)]

KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 15 OKTOBER 2022 HINGGA 25 DISEMBER 2069

(1) <i>Kelas Kenderaan</i>		(2) <i>Tol Kena Dibayar</i> (RM)	
		Plaza Tol Bukit Teratai	Plaza Tol Ampang
1.	Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk teksi dan bas)	2.30	2.30
2.	Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (tidak termasuk bas)	4.60	4.60
3.	Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (tidak termasuk bas)	6.90	6.90
4.	Teksi	1.20	1.20
5.	Bas	2.30	2.30

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesebuah kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

JADUAL KEDUA  
 [subperenggan 2(2)]  
 PETA LEBUH RAYA BERTINGKAT SUNGAI BESI-ULU KELANG



JADUAL KETIGA

[perenggan 4]

KENDERAAN YANG DIKECUALIKAN

1. Mana-mana kenderaan yang membawa Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong, Raja-Raja atau Permaisuri Baginda, Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau isteri-isteri mereka, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan atau Tengku Besar Tampin atau isteri-isteri mereka, Tengku Mahkota atau Raja Muda mana-mana Negeri atau isteri-isteri mereka, Raja Di-Hilir Perak atau isterinya, atau mana-mana pembesar asing yang datang melawat.
2. Mana-mana kenderaan Kerajaan yang membawa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.
3. Semua kenderaan tentera yang dimiliki oleh Kerajaan atau mana-mana angkatan pelawat yang ditafsirkan dalam Akta Angkatan Pelawat 1960 [*Akta 432*].
4. Semua kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran, tugas polis atau tugas menyelamatkan termasuk kenderaan pasukan penyelamat Jabatan Pertahanan Awam dan kenderaan Jabatan Penjara semasa menjalankan tugas mengiringi banduan.
5. Semua kenderaan bukan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran dan tugas menyelamatkan.
6. Semua motosikal beroda tiga atau beroda empat yang digunakan oleh mana-mana orang cacat.

Dibuat 7 Oktober 2022

[KKR.PUU.110-1/7/39; PN(PU2)426/LXIX]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Menteri Kanan Kerja Raya*

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) ACT 1984

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS)  
(SUNGAI BESI-ULU KELANG ELEVATED EXPRESSWAY) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Federal Roads (Private Management) Act 1984 [*Act 306*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 15 October 2022.

**Authorization to collect tolls**

2. (1) Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Bhd. is authorized for the period from 15 October 2022 to 25 December 2069 to demand, collect and retain the appropriate tolls specified in column (2) of the First Schedule for the use in either direction, by the classes of vehicles specified in column (1) of the First Schedule, of any part of the road known as the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway commencing from kilometre 7.128 of Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway at coordinates N -66766.516, E 26937.495, Geocentric Datum of Malaysia (GDM2000) and ending at kilometre 22.984 at coordinates N -54575.082, E 28287.27, GDM2000 including the Cheras-Kajang Interchange, Cheras Hartamas Interchange, Bukit Teratai Toll Plaza, Bukit Teratai Interchange, Tasik Tambahan Interchange, Permai Interchange, Kosas Interchange, Ampang Toll Plaza, Pekan Ampang Interchange, Ampang Point Interchange, Ulu Kelang Interchange, Hill View Interchange, Bukit Antarabangsa Interchange and its link roads, being a distance of 15.856 kilometres.

(2) The roads specified in subparagraph (1) for the use of which tolls are authorized to be demanded, collected and retained are shown on the map in the Second Schedule.

**Payment of toll**

3. (1) A driver of a vehicle who uses—

(a) a valid prepaid card;

(b) an electronic device with a valid prepaid card; or

(c) a valid electronic sticker which has been installed on the windscreen, headlamp of the vehicle or on any other parts of the vehicle which has been determined for installation,

shall pay the amount of toll payable under subparagraph 2(1) when passing through a dedicated toll lane at the toll plaza as shown on the map in the Second Schedule.

(2) For the purpose of payment of toll under subparagraph (1), a driver of a vehicle shall—

(a) touch the valid prepaid card on the electronic machine reader;

(b) display the electronic device with a valid prepaid card; or

(c) display a valid electronic sticker which has been installed on the windscreen, headlamp of the vehicle or on any other parts of the vehicle which has been determined for installation.

(3) A driver of a vehicle who uses the prepaid card, an electronic device with prepaid card or electronic sticker shall ensure money in the prepaid card, electronic device with prepaid card or electronic sticker is sufficient for the purpose of payment of toll.

(4) The electronic sticker which has been installed for the purpose of subparagraph (1) shall not be transferred or moved to another vehicle in any manner whatsoever.

(5) A driver of a vehicle who has installed a valid electronic sticker shall not do or cause to be done any modification to the electronic sticker or any act which may interfere the function of the electronic sticker.

(6) “Prepaid card”, “electronic device with prepaid card” or “electronic sticker” referred to in this paragraph means a prepaid card, an electronic device with prepaid card or an electronic sticker as approved by the Minister and issued for the purpose of payment of toll.

**Exemption from payment of toll**

4. Notwithstanding the provisions of this Order, the vehicles specified in the Third Schedule are exempted from payment of toll.

## FIRST SCHEDULE

[subparagraph 2(1)]

## RATES OF TOLLS FOR THE PERIOD FROM 15 OCTOBER 2022 TO 25 DECEMBER 2069


(1) <i>Classes of Vehicles</i>		(2) <i>Toll Payable (RM)</i>	
		Bukit Teratai Toll Plaza	Ampang Toll Plaza
1.	Vehicles having two axles and three or four wheels (excluding taxis and buses)	2.30	2.30
2.	Vehicles having two axles and five or six wheels (excluding buses)	4.60	4.60
3.	Vehicles having three axles or more (excluding buses)	6.90	6.90
4.	Taxis	1.20	1.20
5.	Buses	2.30	2.30

For the purpose of calculating the number of axles and wheels of a vehicle, the axles and wheels of any trailer towed by the vehicle shall be calculated as part of the axles and wheels of the vehicles.

SECOND SCHEDULE

[subparagraph 2(2)]

MAP OF SUNGAI BESI-ULU KELANG ELEVATED EXPRESSWAY



THIRD SCHEDULE

[paragraph 4]

EXEMPTED VEHICLES

1. Any vehicles carrying the Yang di-Pertuan Agong or the Raja Permaisuri Agong, the Rulers or their consorts, the Yang di-Pertua Negeri of the States of Malacca, Penang, Sabah and Sarawak or their wives, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan or the Tengku Besar Tampin or their wives, the Tengku Mahkota or the Raja Muda of any State or their wives, the Raja Di-Hilir of Perak or his wife, or any visiting foreign dignitary.
2. Any Government vehicle carrying the Prime Minister or the Deputy Prime Minister.
3. All military vehicles belonging to the Government or to any visiting force as defined in the Visiting Forces Act 1960 [*Act 432*].
4. All Government vehicles solely engaged in ambulance duties, firefighting duties, police duties or rescue duties inclusive of rescue team vehicles of the Civil Defence Department and vehicles of the Prison Department whilst on prisoner's escort duties.
5. All vehicles not being Government vehicles solely engaged in ambulance duties, firefighting duties and rescue duties.
6. All three-wheeled or four-wheeled motorcycles used by any handicapped person.

Made 7 October 2022

[KKR.PUU.110-1/7/39; PN(PU2)426/LXIX]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Senior Minister of Works*